

FALSAFAH ISLAM DALAM PEMBENTUKAN NILAI MASYARAKAT YANG HARMONI DALAM KALANGAN PENDUDUK DESA ANGGERIK

Muhammad Aisar Bin Hapiz Ma'Mun
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6014 2073948 Email: muhammadaisar@raudah.usim.edu.my

Muhammad Amil Muazzim Bin Ismail
Fakulti Pengajian Quran Dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,
Tel: +6011 61560916 Email: muhammadamil@raudah.usim.edu.my

ABSTRAK

Rakyat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa, kaum dan agama yang mempunyai prinsip falsafah dalam menjalani kehidupan bermasyarakat. Setiap prinsip falsafah tersebut mempunyai aspek-aspek kepentingan yang tersendiri dalam mencapai hasrat perpaduan yang diinginkan. Namun begitu, usaha untuk mencapai perpaduan ini telah dicemarkan oleh perbuatan dan tingkah laku beberapa individu dan pihak yang tidak bertanggungjawab terutama dalam masalah sosial seperti dadah, rasuah, perjudian dan lain-lain. Selain itu, punca utama dalam perkara ini ialah sikap ekstremis yang berlebihan terhadap sesuatu kaum sebagai contoh peristiwa rusuhan kaum yang berlaku pada 13 Mei 1969 sehingga menyebabkan kehilangan nyawa dan harta benda. Oleh itu, untuk menyelesaikan masalah ini, Islam telah meletakkan beberapa garis panduan dalam pembentukan nilai masyarakat yang harmoni berlandaskan Al Quran dan Sunnah. Kaedah kualitatif digunakan dalam kajian ini. Teknik pengumpulan data dilakukan melalui pemerhatian, analisis dokumen dan temu bual. Hasil dapatan kajian seramai 15 orang penduduk desa anggerik dari pelbagai latar belakang telah ditemu bual mendapati bahawa aktiviti kemasyarakatan seperti sambutan perayaan, gotong-royong dan sukaneka yang meliputi pelbagai kaum dan lapisan masyarakat dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dan sifat toleransi sesama anggota masyarakat. Hasil kajian ini menyimpulkan bahawa usaha membantu masyarakat dalam menangani masalah sosial dan isu perkauman adalah melalui penerapan nilai-nilai falsafah islam dalam pembentukan perpaduan dan keharmonian dalam kehidupan bermasyarakat.

Kata kunci: Perpaduan, Perkauman, Nilai Islam

1. Pengenalan

Dalam tradisi pemikiran Islam, falsafah merupakan suatu disiplin penting dan bermanfaat yang telah menyumbang kepada kompleksitidan kedinamikan peradaban Islam sepanjang zaman. Falsafah Islam terbina daripada kefahaman yang menyeluruh terhadap konsep ilmu, malah perbahasan yang lengkap terhadap konsep dan hakikat ilmu merupakan sebahagian daripada disiplin perbincangan falsafah. Perkara ini menyebabkan pembentukan nilai harmoni dalam masyarakat.

Perpaduan merupakan satu proses penyatuan seluruh masyarakat yang terdiri daripada berbilang kaum bagi membentuk satu identiti nasional yang melambangkan perasaan cinta kepada negara dan bangga terhadap tanah air. (Ahmad Tarmizi et al, 2019). Perpaduan didefinisikan sebagai penggabungan, peleburan, persesuaian, kecocokan juga perihal berpadu mencapai sepakat atau bergabung menjadi satu (Kamus Dewan, Edisi Keempat). Dalam konteks ilmu kenegaraan perpaduan ini adalah masyarakat berbilang kaum di Malaysia bersatu hati, bermuafakat, berunding dalam segala hal bagi membentuk bangsa yang kuat. Ia juga merujuk kepada penyatuan kepelbagaian etnik dalam negara serta mengiktiraf kewujudan kepelbagaian ini (Abd Aziz et al, 2017). Elemen perpaduan ini sangat penting dalam konteks negara Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan latar belakang kepercayaan serta budaya.

Sekiranya tidak diatasi dengan baik dan berhemah, ia akan menjadi halangan kepada proses pembinaan keharmonian dan perpaduan rakyat. Malaysia dikenali bukan hanya makmur dari segi

ekonomi dan pembangunan, malah menjadi negara beridentitikan kepelbagaian agama, bangsa dan budaya sekali gus dapat bersama dalam suasana aman serta harmoni. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejauhmana harapan rakyat Malaysia untuk melihat negara ini bersepadu dan harmoni melalui falsafah islam.

2. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kualitatif. Seramai 15 orang responden yang terlibat dalam temu bual daripada kalangan penduduk Desa Anggerik. Responden ini dipilih secara rawak. Latar belakang responden adalah pelbagai dan mereka juga merupakan masyarakat awam yang terdiri daripada kaum Melayu, Cina, India dan Bumiputra Sabah dan Sarawak. Dalam bilangan responden terpilih, Melayu (5 orang lelaki dan 3 orang perempuan), Cina (3 orang lelaki dan 1 orang perempuan), India (2 orang lelaki dan 1 orang perempuan).

Temu bual ini diajukan beberapa soalan kepada responden untuk menyatakan pandangan dan pendapat mereka mengenai pembentukan nilai masyarakat yang harmoni dalam kalangan penduduk desa anggerik. Di dalam temu bual ini terdapat 3 bahagian iaitu bahagian A, soalan latar belakang responden, bahagian B, soalan umum, bahagian C, soalan cadangan penambah baik.

Kajian ini juga menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan data tentang nilai-nilai yang perlu dalam membina masyarakat yang harmoni. Data-data yang diperoleh adalah hasil daripada pengumpulan maklumat daripada pelbagai sumber sekunder seperti artikel, dokumen dan tesis yang berkaitan. Selain itu, data juga diperoleh dari laman sesawang yang berkaitan dengan informasi data statistik yang relevan tentang isu yang dibincangkan. Penganalisan data dilakukan bertujuan mendapatkan hasil dan data yang tepat mengenai isu keharmonian masyarakat Malaysia.

3. Pemilihan sampel kajian

Teknik persampelan yang digunakan oleh penyelidik adalah persampelan bertujuan (Purposive Sampling). Menurut Guarte dan Barrios (2006), persampelan bertujuan digambarkan sebagai pemilihan rawak bagi unit persampelan dalam segmen populasi dengan maklumat yang banyak berkenaan ciri-ciri penting kajian.

Jadual 1 menunjukkan taburan pecahan jantina responden mengikut kumpulan etnik.

Jadual 1: Taburan pecahan Jantina mengikut Kumpulan Etnik

| Jantina | Melayu | Cina | India |
|-----------|------------|------------|------------|
| Lelaki | 5 (33%) | 3 (20%) | 2 (13%) |
| Perempuan | 3 (20%) | 1 (7%) | 1 (7%) |

Berdasarkan analisis yang dilakukan, responden perempuan sedikit berbanding lelaki, hanya 34% (5 orang) responden perempuan yang terlibat, manakala selebihnya 66% (10 orang) adalah responden lelaki. Jadual tersebut menunjukkan taburan responden penduduk Lelaki berbangsa Melayu 33% lebih banyak berbanding bangsa Cina 20% dan India 13% manakala taburan responden penduduk

Perempuan bangsa Melayu sebanyak 20% berbanding 7% untuk bangsa Cina dan India. Hal ini disokong berdasarkan maklumat yang diperoleh daripada Department Of Statistics Malaysia bagi daerah Nilai, Etnik Bumiputera lebih ramai berbanding Cina dan India.

4. Perbincangan

Dalam mencapai objektif penulisan ini, data telah dikumpulkan menerusi kaedah temu bual kepada 15 orang responden dengan pelbagai latar belakang. Kandungan soalan dalam temu bual dibahagikan kepada tiga bahagian, iaitu Bahagian A yang mengandungi soalan latar belakang responden, Bahagian B, soalan umum, Bahagian C, soalan cadangan penambah baik. Antara kandungan soalan A yang diajukan ialah sejarah latar belakang keluarga iaitu tempoh tahun menetap di Desa Anggerik.

Adapun soalan Bahagian B ialah soalan umum mengenai nilai masyarakat yang harmoni dalam kalangan penduduk Desa Anggerik di mana soalan-soalannya terdiri daripada: kekuatan dalam memperkukuhkan perpaduan, peranan media sosial dalam mempengaruhi perasaan kesatuan, nilai-nilai seperti hormat-menghormati dan toleransi untuk memperkukuhkan perpaduan masyarakat serta masalah yang sering dihadapi.

Seterusnya soalan Bahagian C pula ialah tentang cadangan penambah baik mengenai isu dan permasalahan dalam masyarakat penduduk Desa Anggerik. Antara soalannya ialah cadangan penambah baik terhadap masalah yang sering berlaku dan langkah praktikal yang boleh diambil oleh individu dan pihak berkuasa tempatan untuk memperkukuhkan nilai perpaduan dalam masyarakat.

4.1 Bahagian A

Bahagian A ini mengandungi soalan latar belakang responden dari pelbagai bangsa.

4.1.1 Sejarah latar belakang keluarga

Disini kami mengajukan beberapa soalan kepada responden mengenai nama, umur, bangsa dan sebagainya. Responden yang terlibat kebanyakannya berumur dalam lingkungan 25 hingga 40 tahun. Dalam senarai responden kami juga, terdapat responden berbangsa Cina dan India selain daripada Melayu.

4.1.2 Tempoh tahun menetap di Desa Anggerik.

Responden yang terlibat telah menetap di Desa Anggerik selama lebih 5 tahun keatas malah ada juga yang lebih 15 tahun. Hal ini bagi memastikan responden memahami situasi dan isu kemasyarakatan di Desa Anggerik.

4.2 Bahagian B

Bahagian B ialah soalan umum mengenai nilai masyarakat yang harmoni dalam kalangan penduduk Desa Anggerik.

4.2.1 Kekuatan dalam memperkukuhkan perpaduan

Antara responden yang terlibat didapati bahawa banyak elemen-elemen penting yang menjadi sumber kekuatan dalam mengukuhkan perpaduan ialah bertegur sapa dan mengenali antara satu sama lain. Sifat-sifat kecil ini sebenarnya sangat penting dan menjadi asas kepada hubungan yang harmoni

sesama masyarakat sekali gus selaras dengan syariat Islam yang menitik beratkan kehidupan berjiran yang harmoni.

4.2.2 Peranan media sosial dalam mempengaruhi perasaan kesatuan

Selain itu, seiring perkembangan teknologi moden, media masa menjadi medium utama menyebarkan kesedaran berkaitan isu-isu semasa seperti bahaya nyamuk aedes melalui platform rasmi kejurangan Desa Anggerik agar semua pihak dapat cakna berkaitan isu tersebut. Namun begitu, Dalam penggunaan media sosial terdapat beberapa garis panduan yang perlu dipatuhi seperti tidak menyebarkan fitnah, berita palsu dan lain-lain.

4.2.3 Nilai-nilai seperti hormat-menghormati dan toleransi untuk memperkukuhkan perpaduan masyarakat

Seterusnya, hasil temu bual juga mendapati nilai hormat-menghormati sesama bangsa menjadi punca utama dalam pengukuhan masyarakat yang berbilang kaum. Sebagai contoh perbezaan budaya dan agama hendak dihormati dan meraikan perayaan setiap kaum secara harmoni. Disini Pihak Pertubuhan Penduduk Desa Anggerik boleh mengambil langkah mengadakan pelbagai aktiviti seperti gotong-royong, rumah terbuka dan sukan antara penduduk desa agar dapat menerapkan sikap hormat-menghormati dan toleransi antara satu sama lain. Hal ini kerana sifat hormat menghormati dan toleransi merupakan sifat yang terpuji dan dituntut di dalam Islam. Firman Allah dalam Surah Luqman Ayat 18:

وَلَا تُصَغِّرْ خَدَّكَ لِلنَّاسِ وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ كُلَّ مُخْتَالٍ فَخُورٍ (١٨)

Maksudnya:

Dan janganlah engkau memalingkan mukamu (kerana memandang rendah) kepada manusia, dan janganlah engkau berjalan di bumi dengan berlagak sombong; sesungguhnya Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang sombong takbur, lagi membanggakan diri. (18)

Berdasarkan Dalil diatas, menjelaskan bahawa sikap hormat menghormati sangat penting dan Allah melarang perbuatan sombong dan kezaliman kerana sifatnya akan membawa kesan yang buruk di dalam kehidupan bermasyarakat.

4.2.4 Masalah yang sering dihadapi

Berdasarkan hasil jawapan responden, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh responden antaranya ialah isu pecah masuk dan kecurian. Hal ini sering berlaku di kawasan penduduk Desa Anggerik dan rumah yang sering menjadi tumpuan kes kecurian adalah rumah yang disewa oleh pelajar USIM dan kos kerugian adalah amat tinggi dan merugikan semua pihak yang terlibat. Oleh hal yang demikian, isu ini sangat membimbangkan dan tidak sepatutnya berlaku kerana telah dijelaskan di dalam Al Quran bahawa perbuatan mencuri dan mengambil harta orang lain adalah perbuatan yang dilarang. Firman Allah Surah Al Maidah Ayat 38:

وَالسَّارِقُ وَالسَّارِقَةُ فَاقْطَعُوا أَيْدِيَهُمَا جِزَاءً بِمَا كَسَبَا نَكَالًا مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ (٣٨)

Maksudnya:

Dan orang lelaki yang mencuri dan orang perempuan yang mencuri maka (hukumnya) potonglah tangan mereka sebagai satu balasan dengan sebab apa yang mereka telah usahakan, (juga sebagai) suatu hukuman pencegah dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana. (38)

4.3 Bahagian C

Bahagian C pula ialah tentang cadangan penambah baik mengenai isu dan permasalahan dalam masyarakat penduduk Desa Anggerik.

4.3.1 Cadangan penambah baikkan terhadap masalah yang sering berlaku

Antara cadangan penambah baikkan ialah dalam memanfaatkan media sosial dengan baik dengan menyebarkan kelebihan dan kebaikan hidup bermasyarakat melalui amalan-amalan baik dan mengesalkan isu sensitif setiap kaum yang boleh mengganggu keharmonian bermasyarakat. Firman Allah Surah Al Muddasir Ayat 38:

كُلُّ نَفْسٍ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ (٣٨)

Maksudnya:

Tiap-tiap diri terikat, tidak terlepas daripada (balasan buruk bagi amal jahat) yang dikerjakannya, (38)

4.3.2 Langkah praktikal yang boleh diambil oleh individu dan pihak berkuasa tempatan untuk memperkukuhkan nilai perpaduan dalam masyarakat.

Selain itu, Langkah praktikal yang boleh diambil oleh individu dalam mengatasi masalah tersebut ialah mengawasi barangan berharga sebaik mungkin dan juga mengambil berat tentang persekitaran kejiranan supaya dapat mengurangkan isu kecurian sekali gus dapat mengeratkan hubungan antara satu sama lain. Firman Allah Surah Al Maidah Ayat 2:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ (٢)

Maksudnya:

dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertakwa dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan dan bertakwalah kepada Allah, kerana sesungguhnya Allah Maha Berat azab seksaNya (bagi sesiapa yang melanggar perintahNya). (2)

Disamping itu, pihak berkuasa memainkan peranan penting dalam menangani masalah ini dengan sentiasa mengawasi dan membuat rondaan secara berkala disetiap kawasan kejiranan dalam membanteras isu kecurian di Desa Anggerik. Oleh itu, pihak berkuasa perlu memberi komitmen sepenuhnya dalam melaksanakan tanggungjawab membantu masyarakat seperti yang ditegaskan dalam Islam, Amanah yang dipertanggungjawab hendaklah dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh.

4.4 Definisi Falsafah Islam Dalam Pembentukan Nilai Masyarakat Yang Harmoni

Dalam tradisi pengajian Islam, khususnya dalam pengajian akidah, pengukuhan asas ilmu dan ilmiah untuk akal insan telah mengambil manfaat daripada perbincangan falsafah ilmu atau epistemologi seperti yang difahami oleh para ulama dan ahli falsafah Muslim. Menyedari sejarah, khazanah dan tradisi intelektual ini, perlu seterusnya dilengkapi lagi dengan kefahaman sudut aplikasi praktikal bagi falsafah ilmu Islam.

Falsafah ilmu atau epistemologi merupakan suatu bidang perbahasan yang membincangkan perihal ilmu. Antara aspek ilmu yang dibincangkan dalam disiplin falsafah ilmu adalah takrif ilmu, sumber, pembahagian, hierarki, tabiat dan kegunaannya. Semua perbincangan ini bertujuan untuk mendalami dan memperincikan hakikat ilmu, agar diketahui apakah sebenarnya ilmu. Dengan kata lain, falsafah ilmu adalah suatu bidang ilmu mengenai ilmu.

Dalam pada itu, perlu disedari bahawa falsafah merupakan hasil tradisi pemikiran manusia yang telah sedia ada sebelum Rasulullah lagi. Maka tidak dapat dinafikan bahawa ilmu falsafah adalah ilmu yang datang daripada luar, secara khususnya daripada peradaban Greek kuno.

Selain itu, Kesepaduan sosial (social cohesion) secara umumnya ialah keadaan hubungan masyarakat yang bersatu padu atau masyarakat yang mempunyai hubungan yang baik dan harmoni walaupun berbeza dari segi budaya dan agama. Ia merupakan elemen penting dalam memastikan sesebuah komuniti berada dalam keadaan yang stabil. Mohd. Syariefudin et al. (2013) menghuraikan konsep kesepaduan sosial daripada perspektif pengkaji Barat seperti Emile Durkheim melihat kesepaduan sosial sebagai satu usaha menilai keupayaan masyarakat untuk kekal berhubung dalam pelbagai peringkat pembangunan dan ia dapat dikekalkan melalui kerajaan dan undang undang yang dibentuk; Talcott Parsons melihat kesepaduan sosial daripada aspek struktur fungsional, iaitu masyarakat yang berpadu diasaskan dengan nilai yang dikongsi bersama; Judith Maxwell melihat kesepaduan sosial dalam dimensi perkembangan ekonomi dan menjelaskan ia adalah proses membina dan mengekalkan perasaan kekitaan (sense of belonging). Dengan itu dapat dijelaskan nilai yang membentuk kesepaduan adalah perasaan keberadaan dan kebersamaan dalam komuniti dan dibina berasaskan perasaan kekitaan.

Stanley (2003) mendefinisikan kesepaduan sosial sebagai keinginan (willingness) dan kerelaan setiap anggota masyarakat untuk bekerjasama antara satu sama lain bagi menjamin keharmonian hidup bersama. Keinginan untuk bekerjasama bermaksud mereka bebas membentuk rakan kongsi dan berpeluang merealisasikan kerjasama dalam aktiviti sosial seperti berbuat baik dengan jiran. Kesepaduan sosial melibatkan pembinaan nilai-nilai bersama dan menyuburkan semangat penglibatan bersama komuniti (community engagement).

Shamsul Amri (2011) menjelaskan kesepaduan sosial ialah suatu keadaan aman, stabil dan makmur sejahtera yang wujud dalam sesebuah masyarakat, khususnya yang berbilang etnik kerana wujudnya kesepakatan sosial (social bonding) yang kuat yang terbina sejak sekian lama berasaskan interaktif aktif dan pertukaran hubungan positif dan wujudnya usaha positif ke arah penglibatan semua pihak dalam kegiatan arus perdana.

Tambahan pula, kesepaduan sosial ialah ungkapan dan konsep yang digunakan oleh pakar akademik untuk menerangkan pengalaman Malaysia dalam aspek hubungan etnik sejak 13 Mei 1969. Perpaduan secara umumnya ditakrifkan sebagai kesamaan dan kesatuan dalam membentuk indentiti nasional seperti satu bangsa dan satu bahasa. Mengambil kira konteks negara yang mempunyai kepelbagaian etnik, bahasa, agama dan budaya maka konsep perpaduan yang ditekankan ialah “perpaduan dalam kepelbagaian“ (Kementerian Perpaduan Negara, 2021). Hal ini berlaku kerana berdasarkan sejarah, rakyat Malaysia telah menerima fakta bahawa masyarakatnya ialah masyarakat majmuk.

Masyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, budaya dan agama akan menjadi cabaran kepada kebanyakan negara khususnya dalam mengurus kemajmukan sosial. Cabaran ini wujud terutama dalam aspek membentuk keharmonian, keamanan dan interaksi positif antara kaum, agama serta budaya sekali gus memerlukan pendekatan berhemah serta penuh rasa hormat. Sebagai negara moden yang melakar masa depan lebih dinamik dan berusaha memposisikan diri sebagai negara maju, cabaran berterusan dalam arus globalisasi dan pasca kemodenan menjadi realiti perlu ditangani sebaik mungkin. Ini termasuk ancaman pelbagai krisis berbentuk penindasan dari segi ekonomi, politik, dan sosial serta isu berkaitan pencabulan hak kemanusiaan.

5. Kesimpulan

Dengan ini, kajian ini menghujahkan masyarakat harmoni dalam penduduk Desa Anggerik dapat dipupuk dan disemai dengan nilai-nilai yang positif yang menjadi dasar dalam kehidupan harian. Nilai-nilai positif yang dapat dipamerkan seperti saling menghormati, toleransi, prihatin dapat membentuk acuan keharmonian yang diharapkan demi mencapai perpaduan masyarakat selaras dengan falsafah Islam. Oleh itu, amat penting kepada semua pihak untuk mengekalkan keharmonian dengan nilai-nilai positif untuk mengelakkan konflik dan isu-isu perkauman yang boleh merosakkan keharmonian penduduk Desa Anggerik.

6. Rujukan

- Wan Adli Wan Ramli, & Mohamad Kamil Hj Ab Majid. (2011). Falsafah Ilmu Islam dalam Aplikasi Praktikal. *Jurnal Usuluddin* 33.
- Riki Rahman, Maifuza Abdul Malik, & Nor Shela Saleh. (2023). Kesepaduan masyarakat majmuk di Malaysia: antara harapan dan realiti. *Human Sustainability Procedia*, Vol 3(No 1).
- Nor Hayati Fatmi Talib, Hasani Ghazali, & Nor Wahida Dzalihu'zzabir. (2020). Perpaduan Dan Patriotism Dalam Kalangan Pelajar Kursus Penghayatan Etika Dan Peradaban. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, Vol 5(No 2), 24–35.
- Suraya Sintang, Budi Anto Mohd. Tamring, Nur Farhana Abdul Rahman, Siti Aidah Hj. Lukin, & Halina Sendera Mohd. Yakin. (2019). Kesepaduan sosial dalam hubungan antara agama di pedalaman Sabah. *Borneo International Journal eISSN 2636-9826*, Vol 2(No 1), 5–15.
- Department Of Statistics Malaysia, (2024), N.10 Nilai has a population of 119,613 people [Online]: <https://open.dosm.gov.my/dashboard/kawasanku/Negeri%20Sembilan/dun/ N.10%20Nilai> (akses pada 20 Mei, 2024)